



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

ARAS 11, 12C, 15, 16, 17, 18, 19 DAN 27

MENARA DATO' ONN

PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC)

NO. 45, JALAN TUN ISMAIL

50530 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-4047 6200

Faks : 03-4047 6142

E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my

Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Rujukan : PTPK.PLS.600-1/9 JLD. 4 (48)

Bertarikh : 3 / Mei 2021

"Salam Kemahiran"

Ketua Eksekutif / Pengarah / Pengurus

Penyedia Latihan Berdaftar Dengan PTPK

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PINDAAN SYARAT PERMOHONAN PINJAMAN LATIHAN
KEMAHIRAN SKIM PINJAMAN PEKERJA (PERENGGAN 7.2, GARIS
PANDUAN PENGURUSAN PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN LATIHAN
KEMAHIRAN)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Bilangan 3 Tahun 2021 yang bersidang pada 26 April 2021 telah bersetuju dengan pindaan syarat permohonan pinjaman latihan kemahiran, Skim Pinjaman Pekerja seperti berikut:

- i. pengecualian penjamin dan diganti dengan maklumat orang yang boleh menjadi rujukan kepada pelatih bagi jumlah pinjaman yang kurang atau sama dengan RM24,000.00;
- ii. seorang penjamin dan seorang yang boleh menjadi rujukan kepada pelatih bagi jumlah pinjaman yang melebihi daripada RM24,000.00;

PINDAAN SYARAT PERMOHONAN PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN SKIM PINJAMAN PEKERJA (PERENGGAN 7.2, GARIS PANDUAN PENGURUSAN PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN)

- iii. pengecualian penjamin yang berpendapatan kasar tidak kurang daripada RM5,000.00 bagi jumlah pinjaman yang melebihi RM80,000.00 dan ke atas; dan
- iv. tempoh mula bayaran balik Skim Pinjaman Pekerja diselaraskan sama seperti mana Skim Pinjaman Lepasan Sekolah iaitu tempoh mula bayaran balik dipinda daripada satu (1) bulan kepada enam (6) selepas pelatih menamatkan latihan.

Pindaan syarat ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Jun 2021.

3. Sebarang pertanyaan sila hubungi Encik Ahmad Zamir bin Ahmad Zawawi di talian 03-40476190 atau mel elektronik zamir@ptpk.gov.my dan Puan Suriani binti Abdullah di talian 03-40476156 atau mel elektronik surianiabdullah@ptpk.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pembudayaan Norma Baharu dalam Dunia Pekerjaan Sejagat"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran